

22 MAR 2003

Mahathir-Eksport/I

DR MAHATHIR HARAP KULIT BUAYA JADI SATU LAGI EKSPORT UTAMA MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 22 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berharap agar kulit buaya akan menjadi satu lagi eksport utama Malaysia kerana ia mempunyai nilai yang sangat tinggi di pasaran antarabangsa.

Katanya, ini terbukti khususnya apabila syarikat-syarikat tempatan seperti Porosus Malaysia Sdn Bhd telah berjaya mengadakan perkongsian dengan pembuat jam tangan terkenal Audemars Piguet (AP) dari Switzerland untuk mengeluarkan tali jam tangan yang diperbuat daripada kulit reptilia itu.

Porosus Malaysia mempunyai sebuah ladang buaya di Langkawi yang mengeluarkan barangan kulit buaya.

Dr Mahathir berkata demikian pada majlis menandatangani perjanjian kerjasama menghasilkan produk baru antara AP dan Porosus Malaysia. Turut hadir ialah pengerusi Porosus Malaysia Datuk Khoo Than Choon.

Kata Perdana Menteri, Porosus Sdn Bhd berjaya memperkenalkan barangan kulit buaya tetapi ia menghadapi kesukaran menguasai pasaran tali jam tangan.

"Saya gembira kerananakhirnya, sebuah syarikat Switzerland yang terkenal seperti Audemars Piguet bersetuju untuk menggunakan tali jam tangan yang dikeluarkan oleh sebuah ladang buaya di Langkawi.

"Saya pasti bahawa tali jam tangan ini kukuh seperti mana yang dikatakan," katanya.

Dr Mahathir berkata: "Seperti biasa, Malaysia berasa begitu gembira apabila kita dapat mengeluarkan sesuatu yang boleh dieksport dan menghasilkan pendapatan kepada negara."

Katanya, beliau berharap tali jam tangan yang diperbuat daripada kulit buaya dari Langkawi ini akan menjadi popular.

"Saya bukan datang ke sini untuk mempromosi produk keluaran Porosus Malaysia atau perniagaan Datuk Khoo tetapi selain daripada tali pinggang, beliau juga menghasilkan kasut dan beg yang bermutu.

"Bagaimanapun, saya mesti akui bahawa tali pinggang ini beliau berikan kepada saya secara percuma," Perdana Menteri berseloroh.

Kata Dr Mahathir: "Saya tidak mampu beli (tali pinggang itu) kerana ia sangat mahal. Briefcase Porosus bernilai lebih AS\$4,000 (RM15,200)."

"Saya tak tahu kenapa orang mahu membayar begitu banyak wang untuk membeli briefcase, beg kertas pun boleh guna, dan sekarang kita ada beg plastik yang berharga cuma beberapa ringgit," katanya berseloroh.

Beliau berharap usaha niaga AP dan Porosus itu akan berjaya dan mereka akan mengeksport banyak jam tangan dengan tali kulit buaya.

"...sebab, seperti biasa, Malaysia berpegang kepada konsep berkongsi keuntungan, tetapi tidak berkongsi modal mereka, bila mereka jual sesuatu, kita dapat 28 peratus (cukai korporat)," katanya.

Dengan demikian kata Dr Mahathir, memang berbaloi baginya pulang dari Brazil untuk menyaksikan upacara menandatangani perjanjian itu.

Dr Mahathir sedang bercuti dua bulan.

-- BERNAMA

SM MR KY AA MOZ